
1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Nama Produk:	6990 DAKWAT HITAM
Nombor Produk:	201-1651
Nombor Pendaftaran REACH:	Tidak Berkenaan
Kegunaan yang Dikenal Pasti:	Dakwat penandaan untuk semikonduktor
Kegunaan yang Tidak Disyorkan:	Tiada yang dikenal pasti
Pengeluar:	Xandex, Inc. 1360 Redwood Way, Suite A Petaluma, CA 94954 USA
Laman Web:	www.xandex.com
E-mel:	beastin@xandex.com
Maklumat Hubungan:	Bill Eastin
Nombor Telefon Kecemasan:	(800) 535-5053 (Domestik AS) +1-352-323-3500 (Antarabangsa)

2. PENGENALAN BAHAYA

Gambaran Keseluruhan Kecemasan

Pengelasan GHS mengikut 29 CFR 1910 (OSHA HCS)

Cecair Mudah Terbakar (Kategori 4) H227

Ketoksikan Akut, Oral (Kategori 4) H302

Kerengsaan Mata (Kategori 2A) H319

Elemen Label GHS, termasuk pernyataan langkah-langkah pencegahan

Piktogram



Kata Isyarat

Amaran

Pernyataan bahaya

H302

Memudaratkan jika tertelan

H316

Mengakibatkan kerengsaan kulit yang ringan

H319

Mengakibatkan kerengsaan mata yang serius

H227

Cecair mudah terbakar

Langkah-langkah pencegahan

P261

Elakkan daripada menghidu wasap/gas/kabus/wap/semburan

P280

Pakai sarung tangan pelindung/pelindung mata

P305 + P351 + P338

JIKA TERMASUK KE DALAM MATA: Bilas dengan air secara berhati-hati selama beberapa minit. Keluarkan kanta sentuh, jika ada dan mudah untuk dilakukan. Terus membilas.

Penarafan NFPA

Bahaya kesihatan	2
Kebakaran	2
Bahaya ketindakbalasan	0

Pengelasan HMIS

Bahaya kesihatan	2
Kemudahbakaran	2
Bahaya fizikal	0

Kesan berpotensi terhadap Kesihatan

Mata:	Produk ini boleh mengakibatkan kerengsaan mata yang serius jika tersentuh.
Kulit:	Produk ini boleh menyebabkan kerengsaan ringan pada kulit.
Tertelan:	Memudaratkan jika tertelan.

3. KOMPOSISI/MAKLUMAT RAMUAN

Huraian

Campuran resin fenolik dan dakwat berasaskan pewarna dengan adunan pelarut.

Kandungan Berbahaya

Nama bahan kimia	No. EC	No. Indeks	No. CAS	Amaun (%)	Pengelasan
Etilena Glikol Monofenil Eter	204-589-7	603-098-00-9	122-99-6	60-70	Ketoksikan Akut 4; Kerengsaan Mata 2A; H302, H319
Dietilena Glikol Monofenil Eter	203-227-5		104-68-7	5-10	Ketoksikan Akut 4; Kerosakan Mata 1; H302, H318
Pewarna Nigrosina	616-851-1		8005-02-5	1-5	Pemanasan sendiri. 2; Debu Mudah Terbakar-USH01; H252
Proprietari*	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	15-34	Tidak Berkenaan

* Bahan kandungan ialah rahsia dagangan proprietari Xandex Inc. dan merupakan sebatian kimia yang tidak berbahaya.

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN CEMAS

Jika terkena mata:

Jirus sebersih-bersihnya dengan air sekurang-kurangnya selama 15 minit. Dapatkan nasihat pakar perubatan dengan segera.

Jika tersentuh kulit:

Basuh dengan sabun dan air yang banyak.

Jika tersedut:

Pindahkan mangsa ke tempat berudara bersih.

Jika tertelan:

Jangan sekali-kali berikan apa-apa melalui mulut kepada mangsa yang tidak sedar. Kumur mulut dengan air. Dapatkan nasihat pakar perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH MEMADAM KEBAKARAN

Keadaan yang menyumbang kepada kemudahbakaran:

Mudah terbakar apabila terdedah pada sumber pencucuhan jika suhu melebihi takat kilat.

Media pemadam yang sesuai:

Gunakan semburan air, bahan kimia kering, karbon dioksida, busa tahan alkohol.

Produk pembakaran berbahaya:

Melepaskan karbon dan oksida nitrogen dalam keadaan terbakar.

Peralatan perlindungan khas untuk anggota pemadam kebakaran:

Pakai radas pernafasan serba lengkap jika perlu.

6. LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN PELEPASAN TIDAK SENGAJA

Langkah berjaga-jaga untuk diri:

Pakai pakaian dan sarung tangan pelindung. Elakkan daripada terhidu wap, kabus atau gas. Pastikan pengudaraan yang baik.

Langkah-langkah perlindungan Diri:

Jangan biarkan produk mengalir ke dalam parit.

Kaedah pembersihan:

Serap dengan bahan penyerap yang lengai dan lupuskan sebagai sisa berbahaya. Simpan di dalam bekas tertutup untuk pelupusan.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian yang selamat:

Elakkan daripada tersentuh kulit dan mata. Elakkan daripada menyedut wap atau kabus.

Keadaan untuk penyimpanan:

Simpan pada suhu 10-25°C (50-77° F) untuk mengekalkan hayat simpanan yang maksimum.

8. KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

Komponen dengan Parameter Kawalan Tempat Kerja

Tidak mengandungi bahan dengan nilai had pendedahan pekerjaan.

Langkah-langkah Perlindungan Diri**Perlindungan mata**

Gogal keselamatan

Perlindungan pernafasan

Pakai respirator (diluluskan oleh CEN/NIOSH) mengikut keperluan untuk kepekatan bahan cemar udara yang ditemui jika anda mengalami pendedahan berterusan kepada kuantiti produk yang banyak.

Perlindungan kulit

Sarung tangan tahan kimia. Elakkan pendedahan kulit yang berulang atau berterusan.

Langkah-langkah kebersihan

Basuh tangan sebersih-bersihnya selepas pengendalian.

9. SIFAT-SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Rupa**Bentuk**

Cecair legap

Warna

Hitam

Data Keselamatan**pH**

Tiada data

Takat lebur/takat beku

Tiada data

Takat didih

242 °C

Bau

Sedikit bau alkohol

Ambang bau

Tiada data

Takat kilat

121 °C

Suhu pencucuhan

Tiada data

Suhu pencucuhan automatik

495 °C

Had letupan bawah

0.9%

Had letupan atas

Tiada data

Tekanan wap	Tiada data
Keterlarutan dalam air	Tidak larut dalam air
Graviti tentu	1.15 (Air = 1)
% Bahan Mudah Meruap/Tidak Mudah Meruap (Pepejal)	75% Bahan Mudah Meruap / 25% Bahan Tidak Mudah Meruap
Pekali sekatan	Tiada data
Ketumpatan wap relatif	Tiada data
Kadar penyejatan	Tiada data

10. KESTABILAN DAN KETINDAKBALASAN

Kestabilan Kimia:	Stabil dalam keadaan penyimpanan yang disarankan
Keadaan yang Perlu Dielakkan:	Haba dan api
Produk Penguraian Yang Berbahaya:	Karbon dan oksida nitrogen
Bahan yang Perlu Dielakkan:	Agen pengoksida kuat

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Ketoksikan akut

Etilena Glikol Monofenil Eter

LD50 Oral

LD50 Oral-tikus 1,260 mg/kg (Garis Panduan Ujian OECD 401)

Penyedutan LC50

Tiada data

LD50 Dermal

LD50 Dermal-arnab 5 mL/kg

Dietilena Glikol Monofenil Eter

LD50 Oral

LD50 Oral-tikus 2,140 mg/kg

Penyedutan LC50

Tiada data

LD50 Dermal

LD50 Dermal-arnab 2,120 µL/kg

Kakisan/kerengsaan kulit

Etilena Glikol Monofenil Eter

Kulit - Arnab

Hasil: Tiada kerengsaan kulit

(Garis Panduan Ujian OECD 404)

Dietilena Glikol Monofenil Eter

Tiada data

Kerosakan mata yang serius / kerengsaan mata

Etilena Glikol Monofenil Eter

Mata - Arnab

Hasil: Merengsakan mata.

(Garis Panduan Ujian OECD 405)

Dietilena Glikol Monofenil Eter

Tiada data

Pemekaan pernafasan atau kulit

Etilena Glikol Monofenil Eter

Hasil: Tiada kerengsaan kulit

(Garis Panduan Ujian OECD 404)

Dietilena Glikol Monofenil Eter

Tiada data

Kemutagenan sel germa

Etilena Glikol Monofenil Eter

Asai Mutasi Berbalik

S. typhimurium

Hasil: Negatif

Garis Panduan Ujian OECD 486

Tikus – jantan

Hasil: Negatif

Dietilena Glikol Monofenil Eter

Tiada data

Kekarsinogenan

IARC: Tiada komponen dalam produk ini pada tahap yang melebihi atau sama dengan 0.1% dikenal pasti sebagai bahan karsinogen manusia yang barangkali, kemungkinan atau disahkan oleh IARC.



Lembaran Data Keselamatan

905-0006-06 Semakan: A

Tarikh Semakan: 24-Jan-2020

Tarikh Cetakan: 8-Jul-2020

Menggantikan: Semakan 2 Bertarikh 19-Ogo-2019

- ACGIH: Tiada komponen dalam produk ini pada tahap yang melebihi atau sama dengan 0.1% dikenal pasti sebagai bahan karsinogen manusia yang barangkali, kemungkinan atau disahkan oleh ACGIH.
- NTP: Tiada komponen dalam produk ini pada tahap yang melebihi atau sama dengan 0.1% dikenal pasti sebagai bahan karsinogen manusia yang barangkali, kemungkinan atau disahkan oleh NTP.
- OSHA: Tiada komponen dalam produk ini pada tahap yang melebihi atau sama dengan 0.1% dikenal pasti sebagai bahan karsinogen manusia yang barangkali, kemungkinan atau disahkan oleh OSHA

Ketoksikan pembiakan

Tiada data

Keteratogenikan

Tiada data

Ketoksikan organ sasaran khusus- pendedahan tunggal (Sistem Terharmoni Global)

Tiada data

Ketoksikan organ sasaran khusus- pendedahan berulang (Sistem Terharmoni Global)

Tiada data

Bahaya aspirasi

Tiada data

Kesan bersinergi

Tiada data

Kesan berpotensi terhadap Kesihatan

Tertelan

Memudaratkan jika tertelan.

Penyedutan

Mungkin memudaratkan jika tersedut.

Kulit

Mengakibatkan kerengsaan kulit.

Mata

Mengakibatkan kerengsaan mata.

Tanda dan Simptom Pendedahan

Tekanan pada sistem saraf pusat. Simptom dan tanda termasuk sakit kepala, pening, kelesuan, lemah otot, rasa mengantuk, gangguan darah, dermatitis dan penglihatan kabur. Sifat-sifat kimia, fizikal dan toksikologi produk ini belum dikaji sepenuhnya.

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Ketoksikan**Etilena Glikol Monofenil Eter**

Ketoksikan kepada ikan ujian aliran terus LC50 - Pimephales promelas (fathead minnow) - 344 mg/l - 96 j

Ketoksikan kepada daphnia dan invertebrat akuatik yang lain ujian statik EC50 - Daphnia magna (Pinjal air) - > 500 mg/l - 48 j (Garis Panduan Ujian OECD 202)

Ketoksikan kepada alga ujian statik EC50 - Desmodesmus subspicatus (Scenedesmus subspicatus) - > 500 mg/l - 72 j

Dietilena Glikol Monofenil Eter

Ketoksikan kepada ikan Tiada data

Ketoksikan kepada daphnia dan invertebrat akuatik yang lain Tiada data

Ketoksikan kepada alga Tiada data

Ketegaran dan kebolehuraian**Etilena Glikol Monofenil Eter**

Keterbiodegradasikan aerobik - Masa pendedahan 28 h Hasil: 90 % - Mudah terbiodegradasikan. (Garis Panduan Ujian OECD 301F)

Dietilena Glikol Monofenil Eter

Tiada data

Potensi bioakumulasi

Tiada data

Mobiliti dalam tanah

Tiada data



Lembaran Data Keselamatan

905-0006-06 Semakan: A

Tarikh Semakan: 24-Jan-2020

Tarikh Cetakan: 8-Jul-2020

Menggantikan: Semakan 2 Bertarikh 19-Ogo-2019

Penilaian PBT dan vPvB

Tiada data

Kesan mudarat yang lain

Tiada data

13. PERTIMBANGAN PELUPUSAN

Hubungi perkhidmatan pelupusan sisa profesional untuk melupuskan bahan ini. Patuhi semua peraturan alam sekitar persekutuan, negeri dan tempatan dalam bidang kuasa yang produk ini digunakan.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

DOT (AS)

Nombor UN: Tidak Berkenaan
Bahaya penyedutan racun: Tidak
Bukan barangan berbahaya

IATA

Nombor UN: Tidak Berkenaan
Bukan barangan berbahaya

IMDG

Bukan barangan berbahaya.

15. MAKLUMAT KAWAL SELIA

Bahaya OSHA

Cecair Mudah Terbakar, Kesan Terhadap Organ Sasaran, Memudaratkan jika Tertelan atau Tersedut, Perengsa

Status CERCLA:

Tidak tersenarai

Status TSCA:

Semua bahan kimia yang digunakan di dalam produk ini tersenarai dalam TSCA.

SARA 302:

Produk ini tidak mengandungi bahan kimia yang tertakluk pada pemberitahuan di bawah SARA Tajuk III, Seksyen 302.

Bahaya SARA 311/312

Bahaya kesihatan akut, bahaya kesihatan kronik.

SARA 313:

Komponen berikut tertakluk pada tahap pelaporan yang ditetapkan di bawah SARA Tajuk III, Seksyen 313.

	No. CAS
Etilena Glikol Monofenil Eter	122-99-6
Dietilena Glikol Monofenil Eter	104-68-7

Komponen yang Berhak Diketahui - Massachusetts

	No. CAS
Fenol	108-95-2
Formaldehid	50-00-0

Komponen yang Berhak Diketahui - Pennsylvania

	No. CAS
Etilena Glikol Monofenil Eter	122-99-6
Dietilena Glikol Monofenil Eter	104-68-7
Fenol	108-95-2
Formaldehid	50-00-0

Komponen yang Berhak Diketahui - New Jersey

	No. CAS
Etilena Glikol Monofenil Eter	122-99-6
Dietilena Glikol Monofenil Eter	104-68-7
Fenol	108-95-2
Formaldehid	50-00-0

65 Komponen Usul California

	No. CAS
Anilina	62-53-3
Formaldehid*	50-00-0

*Digunakan untuk produk kayu sahaja

Peraturan Jerman

Bahan yang membahayakan air (WGK [kelas bahaya air]): 1

16. MAKLUMAT LAIN

Maklumat di atas dipercayai betul tetapi tidak diakui menyeluruh dan hendaklah digunakan sebagai panduan sahaja. Maklumat dalam dokumen ini berdasarkan pada tahap pengetahuan kami pada masa kini dan boleh diterima pakai terhadap produk khususnya berkaitan dengan langkah berjaga-jaga keselamatan yang sesuai. Ia tidak mewakili sebarang jaminan tentang sifat-sifat produk ini. Xandex Incorporated tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang terhasil daripada pengendalian atau persentuhan dengan produk di atas.



Lembaran Data Keselamatan

905-0006-06 Semakan: A

Tarikh Semakan: 24-Jan-2020

Tarikh Cetakan: 8-Jul-2020

Menggantikan: Semakan 2 Bertarikh 19-Ogo-2019

905-0006-06 Semakan: A

Tarikh Semakan: 24-Jan-2020

Tarikh Cetakan: 8-Jul-2020

Menggantikan: Semakan 2 Bertarikh 19-Ogo-2019